



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## SURAT PEKELILING PEJABAT BENDAHARI

---

Bilangan 2 Tahun 2021

### **PENANGGUHAN PINDAHAN KEUNTUNGAN HASIL BERDASARKAN PEKELILING PENSTRUKTURAN HASIL 2021**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan berhubung dengan penangguhan bagi pindahan hasil penjana pendapatan PTJ/Kampus berdasarkan kepada Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2021.

2. Merujuk kepada Perkara 2.0 pada Pekeliling Bendahari Bil 3 Tahun 2021, hasil sewaan ruang, peralatan dan hartanah kecuali sewa pencawang tapak komunikasi yang dijana melalui aktiviti yang dilaksanakan oleh PTJ/Kampus adalah 60% Hasil Universiti dan 40% milik PTJ/Kampus berkenaan.

3. Pada Perkara 2.2 hasil daripada aktiviti Strategic Business Unit (SBU), self-funding program akademik dan projek-projek, one-off seperti seminar, konferensi, projek agro yang dilaksanakan oleh universiti, adalah berdasarkan keuntungan bersih setelah ditolak semua kos bagi melaksanakan aktiviti tersebut. Agihannya adalah 40% kepada Tabung Amanah PTJ/Kampus dan 60% kepada Hasil Universiti.

4. Pengurusan Tertinggi Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke -181 bertarikh 14 September 2021 memutuskan pelaksanaan penstrukturan hasil bagi Para 2 dan 3 di atas berkenaan dengan **pengagihan** hasil keuntungan 60%:40% ditangguhkan sehingga 31 Disember 2022. **Dengan penangguhan ini, hasil bagi para 2 (semua hasil sewaan) di atas adalah 100% direkodkan dalam Kumpulan Wang Pengurusan PTJ/Kampus. Manakala hasil bagi para 3 (semua hasil inisiatif penjana) di atas adalah direkodkan dalam Kumpulan Wang di mana hasil dijana/dikutip.**

BIL	JENIS HASIL	HASIL MUKTAMAD PEK.BIL.3/2021	SURAT PEKELILING 2/2021
1.	Sewa Ruang / Kemudahan / Peralatan / Tanah / Kenderaan (Kecuali sewa pencawang tapak komunikasi)	40% Kumpulan Wang Amanah PTJ/Kampus  60% Kumpulan Wang Pengurusan Induk (Shah Alam)	Kumpulan Wang Pengurusan Kampus/PTJ
2.	Hasil daripada aktiviti Strategic Business Unit (SBU), <i>self-funding</i> program akademik dan projek-projek <i>one-off</i> seperti seminar, konferens, projek agro yang dilaksanakan oleh universiti, adalah berdasarkan keuntungan bersih setelah ditolak semua kos bagi melaksanakan aktiviti tersebut	40% Kumpulan Wang Amanah PTJ/Kampus  60% Hasil Universiti	Kumpulan Wang di mana hasil dijana/dikutip

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2021**.

Sekian, terima kasih.



**MAZLAN HASHIM**  
Bendahari  
Universiti Teknologi MARA

***Dikelilingkan Kepada:***

***Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit***  
***Semua Rektor / Penolong Rektor UiTM Kampus Negeri***  
***Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari***  
***Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Kampus Negeri / Cawangan / Kampus Satelit***

*Bil. Fail : 100-BBI(PTA. 6/6/1)*  
*No. Siri : 100-BBI(PTA/2/2021)*